

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 23.3.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian tidak berhasrat mengkaji semula dasar dan sistem pendidikan negara agar kita dapat melahirkan bukan sahaja insan yang berilmu tinggi, juga yang memiliki akhlak, iman dan amanah yang setimpal dengan peningkatan ilmu, dalam erti kata lain kita mahu menzahirkan graduan yang berilmu serta beramanah yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan Transformasi Sistem Pendidikan Malaysia melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. KPM telah melaksanakan kajian semula terhadap sistem pendidikan negara pada September 2011. Dapatan daripada Kajian Semula Pendidikan Negara memberi maklumat penting bagi penyediaan PPPM 2013 -2025 yang menetapkan hala tuju dan sasaran yang jelas ciri-ciri murid yang ingin dilahirkan melalui sistem pendidikan negara iaitu yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, beretika dan kerohanian serta beridentiti nasional. Semua elamen ini selaras dengan pembangunan insan yang holistik dan

menyeluruh seperti terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan selari dengan ciri-ciri insan abad ke-21.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] juga telah digubal selari dengan aspirasi yang ingin dicapai di peringkat pendidikan prasekolah hingga lepas menengah. Pelan yang dijangka akan dilancarkan pada bulan April tahun ini telah menggariskan 10 lonjakan yang ingin dilakukan di peringkat pendidikan tinggi bagi melestarikan agenda pembangunan bakat serta meletakkan institusi pendidikan tinggi negara sebaris dengan pemain global dan seterusnya meletakkan Malaysia di peta dunia. Oleh itu, aspek penghasilan **bakat terpelajar yang dipacu nilai (*learned, values-driven talent*)** menjadi teras kepada PPPM (PT), yang akan menjadi fokus pembangunan insan negara sepanjang 2015-2025.

Untuk mencapai agenda ini, lonjakan pertama iaitu ***Holistic, Entrepreneurial and Balanced Graduates*** (Graduan holistik dan seimbang) telah diperkenalkan. Graduan holistik dan seimbang adalah mereka yang mempunyai ilmu dan akhlak yang mewujudkan sifat-sifat intelek, rohani, emosi dan fizikal yang membantu perkembangan peribadi mereka dan mempunyai keupayaan untuk menyumbang sebagai warganegara yang aktif kepada masyarakat nasional dan global.